

# All Nippon Airways sambung semula

BH 12 JUL 2001

All Nippon Airways (ANA), yang akan menyambung semula perkhidmatannya ke Kuala Lumpur mulai 23 Julai ini, merancang meningkatkan kekerapan tiga kali seminggunya itu kepada tujuh kali seminggu mulai Mei depan.

ANA, syarikat penerbangan terbesar dari segi

jumlah penumpang di Asia, akan meningkatkan kekerapan bagi laluan Narita-Bangkok-Kuala Lumpur pergi dan balik itu tahun depan jika ia menguntungkan.

Pada 24 Mac lalu, ANA yang berpangkalan di Jepun menamatkan perkhidmatannya ke Lapangan

Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dengan alasan ia tidak menguntungkan, termasuk khidmatnya ke New Delhi dan Denpasar.

Bagaimanapun, beberapa faktor termasuk pembukaan landasan kedua di Lapangan Terbang Antarabangsa Narita, Jepun

pada Mei tahun depan menyebabkan ANA menyambung semula operasi ke KLIA.

Pengurus Besar pejabat ANA di Kuala Lumpur, Tsutomu Ota, berkata syarikat mengadakan tiga kali penerbangan seminggu mulai 23 Julai ini menggunakan Boeing

777-200 yang mampu membawa 274 penumpang setiap Isnin, Rabu dan Jumaat.

Beliau berkata, keputusan menyambung operasi itu dibuat selepas mengadakan perbincangan dengan pihak pengurusan tertinggi ANA di Jepun yang melihat

## penerbangan ke KL

laluan itu bakal memberi keuntungan pada masa depan.

Ota menambah, jika laluan ke KLIA tidak menguntungkan selepas tarikh operasi landasan kedua di Narita itu, ANA tetap meneruskan operasinya tetapi tidak meneruskan rancangannya untuk mengada-

kan penerbangan harian.

"ANA adalah syarikat penerbangan asing yang pertama menyambung semula operasi di KLIA kerana negara ini adalah rakan dagangan kedua terbesar Jepun selain menyahut seruan Kementerian Pengangkutan untuk kembali beroperasi di KLIA,"

katanya di Kuala Lumpur, semalam.

Sebelum menamatkan perkhidmatannya, ANA menawarkan penerbangan antara KLIA ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kansai di Osaka sejak 1995 tetapi mengubah laluan ke Tokyo yang akan bermula bulan ini.